

TalkMate bantu pesakit strok alami aphasia berkomunikasi

Kuala Lumpur: Sekumpulan penyelidik dari Universiti Malaya (UM) membangunkan alat teknologi bantuan yang direka khas bagi membantu pesakit strok yang mempunyai aphasia atau tidak boleh berkomunikasi secara verbal.

Pensyarah kanan Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan, Fakulti Kejuruteraan, UM, Dr Nur Azah Hamzaid, berkata alat bantuan komunikasi itu akan mengeluarkan bunyi atau suara apabila butang fungsinya ditekan pesakit, sekali gus memudahkan komunikasi harian mereka dengan penjaga di rumah termasuk ketika proses rehabilitasi atau rawatan.

Beliau berkata, reka bentuk dan pembangunan TalkMate adalah berdasarkan analisis keperluan yang dijalankan bersama-sama pesakit strok.

“Alat ini memfokuskan kepada pesakit warga emas kerana kajian mendapati golongan ini berasa sangat susah menggunakan teknologi atau alat yang sangat kompleks dan canggih, malah terdapat segelintir pesakit mempunyai kesukaran untuk mem-

pelajari serta memahami sesuatu teknologi yang kompleks.

“Oleh itu, alat TalkMate ini dibina bagi menolong pesakit strok dengan aphasia di Malaysia untuk mendapatkan alat yang mempunyai bahasa tempatan, sistem yang mudah serta dengan harga berpatutan,” katanya kepada *BH Varsiti*.

Dr Nur Azah berkata, pembangunan inovasi diketuai penyelidik dari fakultinya, Mohd Faiz Azmi itu mempunyai tujuh fungsi utama iaitu Makan, Minum, Tandas, Terima Kasih, Ya, Tidak dan Butang Kecemasan.

Katanya, Alat TalkMate itu mempunyai kebolehan berfungsi dalam bahasa Melayu, Mandarin dan Inggeris ketika ini, malah pihaknya akan melakukan penambahbaikan termasuk menambah beberapa lagi bahasa yang terdapat di negara ini.

“Penjaga perlu menghidupkan TalkMate terlebih dahulu dan perlu menekan mana-mana butang yang terdapat pada alat ini, kemudian, ia akan mengeluarkan suara mengikut fungsi yang ditekan, selain mudah difahami



Dr Nur Azah Hamzaid



Inovasi TalkMate WW yang dibangunkan dua penyelidik dari UM.

pesakit.

“Penyelidikan untuk menghasilkan TalkMate sudah bermula sejak 2015, dengan menggunakan geran penyelidikan dalaman universiti tetapi masih memerlukan penyelidikan dan kajian pasaran yang lebih terperinci sebelum boleh dipasarkan.

Mengenai cabaran dihadapi kumpulan penyelidik, beliau berkata, antaranya seperti kekurangan dana untuk melaksanakan

penyelidikan dan kekangan dari aspek kerjasama industri kerana ketiadaan peranti serupa untuk dijadikan perbandingan.

“Kos penghasilan versi awal TalkMate melalui geran penyelidikan komersialisasi UM adalah sebanyak RM50,000, namun penyelidikan ini masih memerlukan dana tambahan bagi melengkapkan penambahbaikan yang

dirancang dan kajian pasaran yang lebih menyeluruh.

“Kami merancang untuk menambah kosa kata yang boleh digunakan oleh pesakit, selain menambah fungsi tambahan yang mampu menyimpan data, sekali gus boleh digunakan sebagai input kepada sistem kepintaran buatan pada masa hadapan,” katanya.